



Duri

Fauziah Ashari

[Download now](#)

[Read Online ➔](#)

Duri

Fauziah Ashari

Duri Fauziah Ashari

kerapuhan ikatan kekeluargaan serta sikap egoistik membantutkan cinta dan kecintaan. duri menyajikan konflik pada hati yang membawa duka dan dendam. Sufi sanggup melakukan apa sahaja demi melunaskan dendamnya dan melihat insan itu tersungkur. dia ditinggal kekasih, kehilangan sahabat, bertemu jodoh dengan lelaki yang menyintai adik kandungnya dan berhadapan pula dengan ibu mertua yang egoistik. di hatinya tiada simpati dan tidak pernah berasa gentar. berhadapan engan ibu mertua bagaikan pertemuan buku dengan ruas sahaja. hidupnya penuh kepura-puraan. apabila peluang terhidang dan ruang terbuka, terlunaskah dendam yang membara? mampukah elemen cinta Zhaf membendung sifat dendamnya? mampukah cinta wujud di hati Sufi yang penuh duka dan dendam? ikutilah kisah Sufi yang cuba mencabut duri di hati.

Duri Details

Date : Published July 2006 by Intens Idea International Sdn Bhd (739620-W)

ISBN : 9834316208

Author : Fauziah Ashari

Format : Paperback 505 pages

Genre :

 [Download Duri ...pdf](#)

 [Read Online Duri ...pdf](#)

Download and Read Free Online Duri Fauziah Ashari

From Reader Review Duri for online ebook

Nurul says

Jalan cerita yang menarik, dendam, kepincangan keluarga, egois manusia yang pentingkan darjat..

Liebe Schatz says

Approach yg sedikit lain.....

F. Hanim says

3.5 yang telah saya bundarkan menjadi 4.

Sufi bukan perempuan biasa yang kita mungkin pernah baca dalam novel tipikal yang lain. Dia gadis penuh dendam, dan saya percaya punca dendam itu dirungkai kemas oleh penulis di pengakhiran novel ini.

Keluarga Muzaffar sungguh porak peranda, membuatkan pembacaan novel ini terasa macam naik roller coaster. "Biar betikk En. Hasif ni ada perempuan simpanan, Hazim hisap dadah!" (Okay spoiler..) Penuh drama. Memang patut diadaptasi ke layar drama. Babak Hazim yang kecundang dek cinta terhalang juga berjaya buat saya rasa depressed. Sedih betul. Nak nak bila feeling Izzue Islam sangat kuat di situ. :P

Oleh kerana saya asalnya orangnya Batu Pahat, latar belakang novel ini adalah amat dekat dengan jiwa raga gitu.

Perkahwinan tanpa rasa cinta. Namun tidak sesuai untuk bacaan pembaca yang mendambakan kisah romantik kahwin paksa.

Cik Pah says

Kisah berkenaan dendam seorang wanita terhadap wanita yang pernah menghina ibunya sehingga ibu meninggal dunia dan rakannya Husna terbunuuh dalam kemalangan yang dirancang akibat hubungan yang tidak direstui. Cinta Nur Amalsufi dan Hazim terlerai apabila mendapat tentang daripada Durrah ibu Hazim yang tidak ingin berbesan dengan ibu Sufi yang mempunyai sejarah hitam sebagai perempuan keberet. Kematian Husna sahabatnya menambahkan dendam dalam diri Sufi kerana angkara Durrah yang cuba membunuhnya. Husna cuba menyelamatkannya sewaktu kejadian langgar lari dan orang yang melanggarnya juga hampir terbunuuh apabila bertembung dengan kenderaan yang bertentangan. Sufi yang tidak mengetahui niat sebenar telah menolong pemandu yang hampir membunuhnya dan akhirnya rahsia Durrah terbongkar apabila pemandu tersebut berterus terang bahawa dia diupah oleh Durrah untuk menakut-nakutkan Sufi.

Akhirnya antara dendam dan kasih kepada adiknya Nuri, Sufi mengahwini Muzhaffar Zaman abang sulung

Hazim merangkap tunang Nuri. Sufi terpaksa menggantikan Nuri kerana adiknya mlarikan diri ke luar negara mengejar cita-citanya di saat-saat akhir majlis perkahwinan berlangsung. Selepas berkahwin dengan merahsiakan daripada pengetahuan Nuri, Muzhaffar ke US menjelaki Nuri. Bagi pihak Sufi pula, dia bersedia diceraikan sekiranya Nuri bersedia menerima Muzhaffar.

Sepeninggalan Muzhaffar ke luar negara selama 3 tahun telah memberi ruang kepada Sufi memporak perandakan rumah tangga ibu bapa mertuanya. Sufi maklum bahawa ayah mertuanya En Hasif sayang dan menyimpan perasaan kepadanya. Tanpa pujuk rayu Sufi dengan mudahnya mendapat syer syarikat milik Hasif. Dek kerana cemburu hubungan menantu dengan mertua, Durrah memanggil Muzhaffar pulang semula untuk mendapatkan semula jawatan di syarikat keluarga mereka. Walau bagaimanapun Muzhaffar tidak berkeinginan menerajui syarikat dan bersetuju agar Sufi yang mengendalikan syarikat.

Sufi dengan liciknya juga telah mengumpam kawan sepejabatnya melayan Hasif yang ketandusan kasih sayang isteri sehingga ayah mertuanya sanggup melamar kawannya. Sementelah hubungan tersebut dihido Durrah menyebabkan Hasif telah menceraikan Durrah dengan talak 3 apabila Hasif dimalukan di hadapan orang ramai. Sufi juga berjaya menyakitkan hati Durrah dengan mengatakan dia mengandungkan anak Muzhaffar. Akibat sakit hati, Durrah jatuh tangga dan lumpuh semasa mengejar Sufi.

Durrah menjadikan kesihatannya sebagai alasan memanggil Hazim yang masih berada diluar negara untuk pulang. Hazim disuruhnya bekerja di syarikat keluarga dan menerajui syarikat untuk meminggirkan Sufi. Walau bagaimanapun Hazim masih menyimpan perasaan kepada Sufi dan sering mengambil kesempatan untuk berdua-duaan dengan Sufi dengan alasan urusan pejabat.

Dalam kesempatan Hazim menggoda Sufi, rahsia Hazim yang menjadi penagih dadah terbongkar apabila dia kerap tidak datang bekerja setelah kecewa mengetahui Sufi benar-benar berbadan dua. Sufi mula kasihan dengan keluarga suaminya setelah pelbagai dugaan yang menimpakeluarga tersebut dan Muzhaffar mula menunjukkan sayang kepadanya. Namun, kasihnya kepada Muzhaffar terpaksa disimpan apabila Nuri pulang secara tiba-tiba. Pada waktu Muzhaffar dalam dilema untuk memilih antara Sufi dan Nuri, dia dikejutkan pula dengan berita hubungan silam Hazim dan Sufi. Rahsia terbongkar apabila Hazim dalam keadaan ketagih, telah memukul dan mencederakan Durrah yang tidak merestui hubungan dia dengan kakak iparnya.

Nuri yang turut menyaksikan kejadian tersebut juga tersentak apabila mengetahui hubungan Sufi dan Muzhaffar. Disaat rahsia perkahwinan Sufi dan Muzhaffar terbongkar, Nuri dengan tidak sengaja telah menyebabkan nenek kesayangan Sufi meninggal ketika Nuri cuba mendapatkan kepastian berita perkahwinan tersebut. Kerana rasa bersalah diatas kematian nenek, Sufi telah berterus terang rahsia niat dendam perkahwinannya kepada Muzhaffar. Lantaran itu hubungan Sufi dan Muzhaffar retak menanti belah. Nuri pula membawa diri ke US dan menanti keputusan Muzhaffar sama ada memilih dia atau kakaknya.

Dengan rasa bersalah disebabkan dendam sebagai punca segalanya, Sufi membawa diri ke rumah peninggalan neneknya dan setelah beberapa bulan tiada khabar daripada Muzhaffar, dia berpindah untuk memulakan hidup baru dengan kandungannya yang semakin sarat.

Setelah setahun setengah berlalu, Muzhaffar kembali menjelaki Sufi melalui rakan tempat Sufi bekerja. Akhirnya Durrah menerima Sufi sebagai menantu dan cucu-cucu yang dilahirkan. Manakala Hazim ditempatkan di Tampoi kerana tidak siuman dan Nuri telah berkahwin dengan lelaki kacukan Inggeris Cina di US.

Ni3mSalleh says

sangat suka Sufi seorang watak yang realistik dari watak-watak heroin yang selalu ditampilkan oleh kebanyakan penulis..

Yulia says

Pengarang : Fauziah Ashari

Penerbit : Intens Media

Harga : RM21.50

ISBN : 983-4316-20-8

Sinopsis :

Kerapuhan ikatan kekeluargaan serta sikap egoistik membantutkan cinta dan kecintaan.

DURI menyajikan konflik pada hati yang membawa duka dan dendam. Sufi sanggup melakukan apa sahaja demi melunaskan dendamnya dan melihat insan itu tersungkur.

Dia ditinggal kekasih, kehilangan sahabat, bertemu jodoh dengan lelaki yang menyintai adik kandungnya dan berhadapan pula ibu mentua yang egoistik.

Di hatinya tiada simpati dan tidak pernah berasa gentar. Berhadapan dengan ibu mentua bagaikan pertemuan buku dengan ruas sahaja. Hidupnya penuh kepura-puraan. Apabila peluang terhidang dan ruang terbuka, terlunaskah dendam yang membara?

Mampukah elemen cinta Zhaf membendung sifat dendamnya? Mampukah cinta wujud di hati sufi yang penuh duka dan dendam?

Ikutilah kisah sufi yang cuba mencabut DURI di hati.

MamaErra says

Sufi, Zhaf, Dhurrah, Nuri

Perasaan marah, dendam dan sakit hati telah membaluti hati Sufi. Mengahwini Zhaf adalah sebagai batu loncatan untuk melunaskan hasrat yang terpendam terutamanya terhadap ibu mentuanya, Dhurrah. Dhurrah telah menyebabkan Sufi kehilangan kekasih dan orang-orang yang disayanginya. Zhaf sanggup menerima cadangan ibu untuk menikahi Sufi demi menjaga nama keluarga, namun Nuri masih tetap di hatinya sehingga dia sanggup ke Amerika Syarikat untuk mengejar cinta Nuri walaupun Nuri sanggup meninggalkan dia di saat-saat akhir majlis perkahwinan mereka.

Sufi merasakan dendamnya sudah berbalas. Setelah diceraikan oleh Hasif, Dhurrah menjadi lumpuh ekoran dari pergelutannya dengan Sufi. Kepulangan Hazim merenggangkan hubungan Zhaf dengan Dhurrah dan Zhaf cuba untuk berbaik dengan Sufi kerana dia merasakan cintanya terhadap Nuri semakin jauh. Namun

begitu, pergolakan dalam rumah tangga Sufi dan Zhaf telah memberi Hazim peluang untuk merebut kembali cinta Sufi dari abangnya tetapi gagal.

Sufi terus menyepikan diri bersama anak yang dikandung setelah mengakui segala kesalahannya. Zhaf merasakan yang dia sebenarnya menyintai Sufi dan dengan persetujuan Dhurrah, perkahwinannya bahagia bersama Sufi dan juga dua orang mereka.

Aku boleh habis membaca novel ini dalam satu hari saja. Mungkin juga kerana 'font'nya agak besar. Tapi yang sebenarnya, aku tak sabar untuk mengetahui penghabisan jalan ceritanya. Agak menarik. Boleh juga untuk dijadikan koleksi.

Mai says

best sgt habis mcm dlm masa sehari mmg x tidor dibuatnya

Lady Ayu says

good

Caramelteater says

It's good and amazing

Adilah says

Kisah Sufi yang cuba mencabut duri di hatinya. Sakitnya hidup jika hati ini penuh dendam, tiada kejujuran dan keikhlasan.

kuzzeen says

Naskah untuk dilepaskan; RM14.00. PM je....

Ini karya pertama penulis untuk aku (tidak dikira Ombak Rindu, naskah itu dibaca bertahun dulu hingga aku sendiri dah lupa. Nantilah, akan ku cari untuk diulang baca). Aku sukaan intipati DURI. Dendam yang tertusuk di hati bukan sahaja menyakitkan, malah ia akan bernanah hingga meracuni seluruh badan.

CUMA....

(for me) naskah ini agak kelam kabut sedikit penceritaannya. Perlukan fokus yang jitu untuk memastikan

pembacaan tetap berada di landasan. Apapun, aku sukaan penyudahan untuk Sufi-Muzaffar. Namun tidak untuk Hazim atau Nuri. Hazim terover dihukum, Nuri pulak dilepaskan begitu sahaja tanpa hukuman setimpal biarpun dia salah punca sebenar Sufi terjebak.

Yana Fauzianah says

Dendam pada seseorang hanya akan bawah padah pada diri sendiri.. Memafikan dah menerima apa yang terjadi akan menjadikan kita lebih bahagia.. A book that teaches me do not keep grudges and accept fate..

azian2575 says

Sufi & Zhaf

ainunsailah says

Sudah lama saya tinggalkan novel cinta Melayu. Atas saranan teman saya luangkan juga masa separuh hari untuk khatam novel ini. Sebagaimana kata dia. Novel yang sarat dengan konflik. Semuanya berpunca dari perbezaan darjah yang membawa dendam.

Menjadi tabiat segolongan masyarakat, perhubungan seharusnya sedarjat. Apatah lagi kalau sebelah pihak itu punya keturunan yang ada kisah hitam. Anak pelacur, anak tak sah taraf atau anak buangan. Maka dikira mereka tak layak untuk hidup seperti biasa. Selamanya akan dihina dan dipandang serong masyarakat. Tidak layak untuk digandingkan dengan keluarga yang berharta. Mulia benar rasanya menjadi orang berharta.

Durrah adalah watak yang ego dan penuh rasa megah akan keturunan dan darjatnya. Sufi pula mangsa. Anak kepada bekas pekerja kelab malam, dikira sebagai tidak layak untuk bergandingan dengan anak orang berharta. Usaha Durrah, yang menyebabkan dua kematian insan tersayang Sufi membawa dendam. Akan dia hancur dan porak peranda keluarga itu. Akan dia lahirkan cucu dari keturunan wanita megah itu.

Peluang untuk Sufi datang apabila adiknya melarikan diri ke luar negara beberapa hari sebelum perkahwinan. Watak Nuri, adalah watak saya yang tak suka. Mementingkan diri, tidak matang dan tidak mahu beralah.

Dendam tak pernah selesaikan banyak masalah. Pembalasan Tuhan sebaik pembalasan. Akhirnya semua menerima akibat atas perbuatan masing-masing. Dan pengakhiran yang memuaskan bila Sufi memilih membawa diri. Lalu akhirnya kembali bersatu dengan Muzhaffar.

Kesimpulannya, sompong dan dendam sama-sama bala.
